

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan negeri yang mengamalkan kutipan zakat berkonsep taawun dan dibenarkan pembayar zakat mengagihkan sebahagian bayaran zakat tersebut terus kepada asnaf. Berapa jumlah zakat sedemikian yang telah mendapat rebat cukai pendapatan LHDN.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Yang Dipertua,

Menurut Butiran II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, urusan berkaitan zakat adalah termasuk di bawah bidangkuasa pihak berkuasa kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja bertindak selaku Ketua Agama Islam Negeri. Manakala bagi Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang maka Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah bertindak selaku Ketua Agama Islam.

Untuk makluman Yang Berhormat, Zakat itu sendiri bersifat taawun kerana taawun bermaksud bantu-membantu. Secara kesimpulannya, semua negeri di Malaysia mengamalkan konsep taawun dalam berzakat, iaitu yang berharta membantu yang kurang berkemampuan melalui amalan berzakat.

Jumlah rebat cukai ke atas wakalah zakat tidak dapat ditentukan jumlahnya oleh pihak LHDN kerana rebat cukai pendapatan adalah berdasarkan bukti pembayaran zakat kepada Majlis Agama Islam atau Agensi Mengurus Zakat yang direkodkan dan perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.